



**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI  
(LANGKAWI DEVELOPMENT AUTHORITY)**

**LAMPIRAN 1**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada individu yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

Jawatan

**PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED SETARA 29  
(1 Jawatan)**

Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c)
  - i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
  - ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
  - iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Syarat kelayakan  
Bahasa Melayu

2. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**(Keutamaan akan diberi kepada calon yang mempunyai kelayakan dan pengetahuan dalam bidang Geologi)**

Taraf Jawatan

### 3. Kontrak (*Contract For Service*)

Penaklukan  
Di Bawah  
Syarat-Syarat Skim  
Perkhidmatan

4. Pegawai yang memasuki perkhidmatan-perkhidmatan di atas adalah tertakluk kepada syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

Panduan Memohon

5. Borang-borang permohonan boleh didapati dengan melayari laman web LADA di alamat [www.lada.gov.my](http://www.lada.gov.my).

- a) Borang permohonan yang telah siap diisi hendaklah disertakan dengan salinan sijil-sijil atau salinan keputusan peperiksaan akhir bagi kelayakan yang disyaratkan termasuk salinan sijil ujian lisan Bahasa Melayu (SPM) dan sekeping gambar terbaru berukuran pasport, salinan kad pengenalan, sijil kelahiran, surat berhenti sekolah dan lain-lain dokumen yang berkaitan serta disahkan;
- b) Setiap permohonan mestilah ditulis (**NAMA JAWATAN YANG DIPOHON**) di bahagian atas sebelah kiri sampul. Permohonan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dikemukakan ke alamat seperti di bawah:-

Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Pembangunan Langkawi  
Tingkat 3, Kompleks LADA  
Jalan Persiaran Putra  
07000 Kuah, Langkawi  
**KEDAH DARUL AMAN**  
(u.p. Bahagian Sumber Manusia & Khidmat Pengurusan)

- c) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temu duga. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **3 bulan dari tarikh tutup** permohonan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.

- Permohonan yang ditolak
6. Borang-borang permohonan permohonan yang tidak lengkap seperti berikut tidak akan dipertimbangkan :
- a) Tidak disertakan gambar terbaru yang berukuran pasport seperti ditetapkan;
  - b) Tidak disertakan salinan dokumen yang diperlukan;
  - c) Tidak lengkap dan tidak terang;
  - d) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
  - e) Tidak menandatangani borang permohonan; dan
  - f) Mengemukakan maklumat palsu.
- Tarikh tutup
7. Tarikh tutup permohonan ialah pada **2 Mei 2019**. Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan di talian 04-9600 600.